

NO. SOALAN: 27

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9356

SOALAN:

Datuk Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan mengapakah Malaysia tidak pernah mencapai Tier Satu berdasarkan Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) semenjak 2001 hingga 2015 walaupun telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan dalam memerangi pemerdagangan orang dan nyatakan apakah langkah dan strategi Kerajaan dalam perlaksanaan pelan tindakan fasa dua bagi Pelan Tindakan Kebangsaan Anti pemerdagangan Orang (2016-2020) khususnya bagi memastikan Malaysia mencapai Tier Satu berdasarkan Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Tahunan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) mengenai Pemerdagangan Orang merupakan penilaian prestasi negara-negara dalam menangani isu pemerdagangan orang. Penilaian tahunan ini melibatkan 188 buah negara termasuk Malaysia dan setiap negara akan diletakkan sama ada berada di tahap terbaik iaitu *Tier 1*, diikuti oleh *Tier 2*, *Tier 2 (Watchlist)* dan *Tier 3*. Penilaian ini adalah bersifat subjektif dan tertakluk kepada pematuhan terhadap *United Nations Convention Against Transnational Organized (UNTOC), Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons Especially Women and Children (TIP Protocol)* serta pematuhan terhadap standard minimum di bawah *United States Trafficking Victim Protection Act (TVPA)*.

Malaysia telah menandatangani UNTOC pada 26 September 2002 dan meratifikasinya pada 24 September 2004; serta mengganggotai *TIP Protocol* pada 26 Februari 2009. Dalam hubungan ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah selaras dengan komitmen negara seperti yang terkandung di dalam konvensyen dan protokol antarabangsa tersebut.

Antara tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan selaras dengan saranan daripada laporan JNAS 2016 adalah

menguatkuasa dan melaksanakan peraturan kebenaran bekerja dan bergerak bebas kepada mangsa pemerdagangan orang dan meningkatkan jumlah pendakwaan dan pertuduhan kes pemerdagangan orang. Selain itu, Malaysia juga telah memberi fokus kepada aspek pengurusan kes dengan mengadakan Mesyuarat Pengurusan Kes secara berkala bersama agensi penguatkuasaan, Mahkamah, Jabatan Peguam Negara dan pegawai pelindung bagi membantu mempercepatkan penyelesaian kes. Kerjasama antara agensi di bawah MAPO juga dipertingkatkan melalui pelaksanaan program-program engagement dengan majikan dan pekerja dalam memberi penerangan berkaitan hak-hak pekerja dan tanggungjawab majikan.

Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang 2010-2015 telah dilancarkan pada 30 Mac 2010 sebagai dokumen panduan dalam memandu dan memacu usaha-usaha nasional bagi menangani jenayah pemerdagangan orang. Pada 15 Ogos 2016, Malaysia telah melancarkan Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang fasa kedua bagi tempoh 5 tahun iaitu daripada 2016 hingga 2020. Pelan tindakan ini menggariskan sembilan bidang program bagi menyokong sembilan matlamat strategik serta lima prinsip panduan seperti berikut :

- i. Tanggungjawab kerajaan;**
- ii. Penyertaan masyarakat sivil ;**

- iii. Layanan terhadap mangsa berdasarkan hak asasi manusia ;**
- iv. Koordinasi dengan pertubuhan antarabangsa dan NGO ; dan**
- v. Penilaian sistematik dan ketahanan.**

Matriks aktiviti setiap Jawatankuasa yang diwujudkan di bawah Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (MAPO) juga turut dirangka bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan tindakan ini. Aktiviti yang disenaraikan adalah mengikut bidang kuasa kementerian / agensi dan merupakan komitmen yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan.

Melalui pelan tindakan ini, program memerangi jenayah pemerdagangan orang dapat dilaksanakan dengan lebih bersepadu dan berkesan melalui penetapan objektif, output, aktiviti dan tempoh masa pelaksanaan.